



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.47/2018

14,449,200 ORANG PEMILIH MENGUNDI ESOK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa bagi maksud menjalankan proses pengundian bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada **9 Mei 2018 (Rabu)**, SPR telah menyediakan **8,253 Pusat Mengundi** yang mempunyai **28,115 Tempat Mengundi (saluran)**. Seramai **14,449,200 orang pemilih berdaftar** akan mengundi pada Rabu ini.

2. Pada Hari Mengundi, semua Pusat Mengundi akan **dibuka mulai jam 8.00 pagi**. Manakala **waktu tutup** pengundian pula adalah **berbeza-beza** mengikut lokasi Pusat Mengundi dan jumlah pengundi. Waktu pengundian akan **ditutup** sepenuhnya pada jam **5.00 petang**.

3. Memandangkan keadaan **cuaca pada hari pengundian diramalkan akan berlaku hujan**, para pengundi adalah dinasihatkan supaya merancang masa untuk keluar mengundi dan tidak keluar mengundi di saat-saat akhir. Bagi pengundi di lokasi Pusat Mengundi yang ditutup lebih awal, mereka juga dinasihatkan supaya keluar mengundi pada awal waktu. Manakala bagi pengundi di Pusat Mengundi yang ditutup pada **jam 5.00 petang**, mereka dinasihatkan supaya keluar mengundi secara berperingkat mengikut kesesuaian

masa mereka dalam tempoh yang ditetapkan agar tidak berlaku kesesakan di Pusat Mengundi.

4. Kepada pengundi-pengundi yang akan keluar mengundi pada **9 Mei 2018 (Rabu)**, mereka dinasihatkan untuk membuat semakan maklumat pengundian masing-masing seperti nama Pusat Mengundi dan saluran mengundi (dalam buku Daftar Pemilih) melalui **aplikasi MySPR Semak** atau melalui laman **pengundi.spr.gov.my** atau sistem Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dengan menaip **SPR <jarak> SEMAK <jarak> NO.KAD PENGENALAN** dan hantar kepada **15888** atau telefon ke talian **03-88927018** atau semak di **barung SPR di setiap Pusat Mengundi** pada Hari Mengundi. Parti-parti politik **TIDAK DIBENARKAN** membuka, menubuhkan atau menyenggarakan suatu pejabat atau barung dengan alasan untuk membantu pengundi-pengundi menyemak maklumat pengundian mereka.

5. SPR juga meminta kerjasama pengundi-pengundi supaya tidak memberikan kad pengenalan mereka kepada pihak-pihak lain kerana ia mungkin akan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan akan menimbulkan masalah pada hari pengundian

6. Untuk makluman, setiap pengundi akan diperiksa jarinya untuk memastikan jari mereka bebas daripada sebarang tanda dakwat atau terdapat bahan yang boleh menghalang dakwat pilihan raya lekat dijari seperti pengilat kuku, minyak atau jari palsu. Setelah

pemeriksaan dan berpuashati, pengundi akan mencelup jari telunjuk kirinya ke dalam botol dakwat yang disediakan oleh SPR. Jika ada pengundi yang enggan jarinya dicelup dakwat, maka kertas undi tidak akan diberikan kepadanya. Bagi semua pengundi, mereka juga dinasihatkan supaya **JANGAN TERPEDAYA** dengan permintaan sesetengah pihak yang meminta jari mereka ditanda dengan dakwat sebelum pergi mengundi.

7. SPR juga meminta para majikan agar membenarkan pekerja mereka yang berdaftar sebagai pemilih untuk pergi mengundi. Mana-mana majikan yang menghalang pekerja mereka untuk keluar mengundi pada hari tersebut boleh diambil tindakan mengikut seksyen 25 (3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 iaitu didenda tidak lebih RM5,000 atau dipenjara setahun jika sabit kesalahan.

8. Pada hari mengundi juga tidak dibenarkan lagi sebarang aktiviti berkempen dilakukan terutamanya aktiviti merayu dan meraih undi adalah dilarang sama sekali dan merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

9. Sepanjang tempoh pengundian, ejen-ejen pilihan raya dibenarkan berada dalam tempat mengundi (saluran) bagi memerhati proses pengundian. Ejen-ejen pilihan raya yang bertugas pada Hari Mengundi diingatkan supaya tidak memakai pakaian yang menunjukkan lambang parti, gambar dan nama calon yang merujuk kepada parti politik tertentu.

10. Begitu juga pengundi-pengundi tidak dibenarkan memakai pakaian yang mempunyai lambang parti, gambar, nama calon apabila masuk ke pusat mengundi kerana pada hari mengundi tidak dibenarkan sebarang bentuk kempen atau aktiviti kempen dilakukan oleh mana-mana orang.

11. Dimaklumkan juga, proses pengiraan undi akan dijalankan selepas proses pengundian tamat mengikut waktu-waktu yang telah ditetapkan **di tempat mengundi** itu dan **bukannya di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)**. Semasa proses pengiraan undi dijalankan, Ejen-ejen pilihan raya juga turut berada dalam tempat mengundi memerhati proses pengiraan undi.

12. Akhirnya, SPR menasihatkan kepada semua pihak, iaitu calon-calon, penyokong-penyokong parti, pekerja-pekerja parti dan pengundi-pengundi supaya mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan oleh SPR dan pihak Polis DiRaja Malaysia bagi memastikan perjalanan proses pengundian Pilihan Raya PRU-14 berjalan lancar, aman dan harmoni.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh : 8 Mei 2018 / 22 Syaaban 1439H